

OBJEKTIF

100% Pelajar dapat
menyenaraikan ciri – ciri
Demokrasi Berparlimen

DEFINISI

CIRI - CIRI

PENGENALAN

- Terdapat 2 corak pemerintahan DEMOKRASI :
 - Sistem Raja Berperlembagaan
 - Di bawah sistem berperlembagaan yang mengiktiraf Raja sebagai ketua negara.
 - Raja berperlembagaan yang moden biasanya menggunakan konsep trias politica, atau politik tiga serangkai. Ini bermaksud Raja adalah hanya ketua simbolik di dalam rangkaian eksekutif dan kuasanya adalah terhadap oleh perlembagaan negara.

PENGENALAN

- Apabila seorang Raja mempunyai kuasa pemerintahan yang penuh ia dipanggil monarki mutlak atau *absolute monarchy*.
- Pada hari ini, raja berperlembagaan lazimnya digabungkan dengan perwakilan demokrasi. Oleh itu, kerajaan masih dibawah kuasa rakyat tetapi raja mempunyai **peranan tradisional di dalam sesebuah negara**.
- Pada hakikatnya Perdana Menteri, iaitu pemimpin yang dipilih oleh rakyat, yang memerintah negara dan bukannya Raja

PENGENALAN

- Terdapat 2 corak pemerintahan DEMOKRASI :
 - Sistem Republik
 - **Republik** merujuk kepada sejenis kerajaan atau negara yang diperintah oleh ketua negara yang dipilih oleh rakyat seperti presiden dan bukannya beraja atau monarki.
 - Namun demikian, republik tidak boleh disama ertikan dengan konsep demokrasi.

PENGENALAN

- Terdapat 2 corak pemerintahan DEMOKRASI :
 - Sistem Republik
 - Terdapat kes di mana negara republik diperintah secara kuku besi atau totalitarianisme. Misalnya, Afrika Selatan . Namun demikian, terdapat juga negara republik yang mengamalkan perwakilan secara demokrasi.

MALAYSIA

- Malaysia mengamalkan Sistem Pemerintahan **Demokrasi Berparlimen** dan **Raja Berperlembagaan**
- Demokrasi Berparlimen bermaksud :
 - Pemerintahan demokrasi dijalankan secara **PERWAKILAN**
 - **RAKYAT** terlibat dalam sistem pemerintahan dan berpeluang membentuk kerajaan.

MALAYSIA

- Demokrasi Berparlimen bermaksud :
 - Rakyat memilih perwakilan melalui **PILIHANRAYA**
 - **RAJA – RAJA MELAYU** menjadi lambang **TAAT SETIA** rakyat
 - Rakyat berhak menyokong, mengekal atau **menukar kerajaan yang sedia ada melalui PILIHANRAYA**

MALAYSIA

- Perlembagaan menetapkan Yang Dipertuan Agong sebagai **KETUA NEGARA** atau **PEMERINTAH TERTINGGI**.
- YDP AGONG memerintah berasaskan perlembagaan dan bertindak mengikut **NASIHAT Perdana Menteri**
- Perlembagaan Malaysia menjadi **GARIS PANDUAN PENTADBIRAN** Kerajaan

CIRI – CIRI DEMOKRASI BERPARLIMEN

- **PERLEMBAGAAN** menjadi asas pembentukan kerajaan
- Sistem Raja Berperlembagaan **mengikut peruntukan dalam perlembagaan**
- Kuasa Pemerintahan dibahagi kepada 3 iaitu **Badan Perundangan (Parlimen)**, **Badan Pelaksana (eksekutif)** dan **Badan Kehakiman (Judisiari)**

CIRI – CIRI DEMOKRASI BERPARLIMEN

- Parlimen melambangkan pemerintahan demokrasi negara
- **Pilihan raya diadakan setiap 5 tahun** sekali untuk memilih perwakilan di peringkat pusat dan negeri
- Parti Politik yang mempunyai **IDEOLOGI** politik untuk mencapai matlamat bersama
- Setiap warganegara Malaysia berhak menikmati **KEBEBASAN ASASI**